

22 JUL 1996

MENARA KUALA LUMPUR DIBUKA ESOK

KUALA LUMPUR, 22 Julai (Bernama) -- Menara Kuala Lumpur akan dibuka untuk orang ramai mulai esok, menjadikannya tarikan pelancongan terkini di bandaraya ini.

Dengan ketinggian 421 meter, menara ketiga tertinggi di dunia ini yang terletak di kawasan Bukit Nanas di pusat bandar raya ini, menawarkan kepada pelawat-pelawat pelbagai kemudahan seperti pelantar cerapan, kedai cenderahati dan restoran berpusing.

"Kami mahu Menara KL menjadi tarikan di Malaysia seperti Menara Eiffel di Perancis," kata pengurus besar Menara Kuala Lumpur Sdn Bhd, Mohd Nasir Ithnin kepada pemberita yang dibawa melawat menara itu hari ini.

Syarikat pemegang konsesi menara itu selama 15 tahun adalah usaha sama antara Telekom Malaysia Bhd dan Wayss & Freytag AG.

Mohd Nasir berkata menara itu dibuka antara 10 pagi dan 10 malam dan mengenakan bayaran masuk RM8 untuk orang dewasa dan RM3 untuk kanak-kanak berusia antara empat tahun dan 12 tahun manakala mereka di bawah tiga tahun tidak dikenakan bayaran. Terdapat rancangan untuk mengenakan kadar bayaran istimewa kepada orang cacat dan masyarakat tua.

Pelantar cerapan yang terletak di aras pertama kemuncak menara itu yang mempunyai 11 aras, boleh menampung 200 pelawat pada satu-satu masa.

"Kita mempunyai sistem komputer yang akan memberitahu sekiranya pelantar itu penuh dan akan berhenti menjual tiket seketika," kata Mohd Nasir yang menasihati orang ramai supaya tidak melebihi satu jam di pelantar itu.

Satu aras ke atas itu ialah restoran tertinggi di Malaysia, Restoran Seri Angkasa, terletak setinggi 282 meter dari paras tanah dan membolehkan pelawat menikmati panorama bandar raya sambil menjamu selera.

Mohd Nasir berkata restoran berpusing itu boleh menampung 250 pelanggan dan akan dibuka kepada orang ramai pada 1 Ogos.

Kemuncak menara itu juga mempunyai kawasan perlindungan kebakaran, stesen telekomunikasi, satu stesen Radio Televisyen Malaysia dan stesen kaji cuaca.

Buat masa ini terdapat 120 petak letak kereta dan lima untuk bas. Terdapat rancangan untuk menambah bilangan ini kepada 250 petak untuk menampung jumlah pelawat yang dijangka bertambah.

Pembukaan rasmi Menara Kuala Lumpur akan dilakukan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad September ini. -- BERNAMA

MAM WAT MAI